



PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA

Office of Director-General of Education Malaysia

ARAS 8, BLOK E8

Level 8, Block E8,

KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E

Government Complex Parcel E,

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Federal Government Administrative Centre

62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077

Fax: 03-8889 4548

Laman web: [http: www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my).

KP(BS-DSR)8787/008/2/ (21)

30 Oktober 2007

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS:BIL: 13/2007

PEMANSUHAN YURAN KHAS DAN GARIS PANDUAN SISTEM PAKEJ BAYARAN TAMBAHAN KEPADA PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN DI SEKOLAH-SEKOLAH KERAJAAN DAN SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN

Kerajaan Malaysia telah bersetuju melalui Rang Undang-Undang Perbekalan (2008) yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat, pada 7 September 2007, untuk memansuhkan **Yuran Khas** di semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Berkuat kuasa 1 Januari 2008 ibu bapa tidak perlu lagi membayar Yuran Khas sebanyak RM4.50 bagi setiap murid sekolah rendah dan RM9.00 bagi setiap murid sekolah menengah.

2. Walau bagaimanapun masih terdapat beberapa aktiviti lain yang penting termasuk beberapa perkhidmatan dan kemudahan tambahan yang diberikan oleh pihak sekolah kepada murid-murid perlu mempunyai peruntukan secara khusus. Sebagai membantu pihak sekolah, Kementerian telah menyenaraikan perkara-perkara berikut yang dianggap sebagai perkhidmatan dan kemudahan tambahan yang boleh dikenakan Bayaran Tambahan secara tahunan yang perlu dijelaskan oleh ibu bapa setiap awal sesi persekolahan atau jika difikirkan wajar, bila-bila masa pada tahun semasa.

- 2.1 Kokurikulum.
- 2.2 Kertas Ujian Dalaman.
- 2.3 Sukan Tahunan Sekolah
- 2.4 Kegiatan Pendidikan Islam (murid beragama Islam) atau Pendidikan Moral (murid bukan beragama Islam).
- 2.5 Skim Perlindungan Diri.
- 2.6 MSSM.

3. Bagi tujuan memudahkan pihak pengurusan sekolah dan Jabatan Pelajaran Negeri meluluskan dan memantau semua jenis pembayaran yang dibuat di sekolah-sekolah maka adalah dicadangkan **Sistem Pakej Bayaran Tambahan** dilaksanakan.

4. Pakej Pembayaran ini dikategorikan kepada 3 jenis mengikut jenis sekolah, lokasi sekolah, bilangan murid dan status sosioekonomi masyarakat setempat. Pihak sekolah hendaklah memilih salah satu pakej pembayaran dengan mengambil kira persekitaran sekolah, pandangan guru-guru serta pandangan daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru sekolah. Bersama-sama Surat Pekeliling Ikhtisas ini disertakan **“Garis Panduan Sistem Pakej Bayaran Tambahan Kepada Perkhidmatan Dan Kemudahan Di Sekolah-Sekolah Kerajaan Dan Sekolah Bantuan Kerajaan”**.

5. Kerjasama Y.Bhg. Dato’/Datin/Tuan/Puan juga adalah diperlukan supaya memastikan sebarang bayaran yang dikenakan adalah kepada perkhidmatan (*service*) yang diberikan kepada murid-murid sekolah. Pihak sekolah diingatkan akan larangan memungut yuran-yuran atau bayaran lain selain daripada yang telah ditetapkan. ~~Sebarang cadangan untuk memungut yuran atau bayaran lain hendaklah dengan kebenaran bertulis Menteri Pelajaran. Semua Surat Pekeliling Ikhtisas dan Surat Siaran berkaitan dengan yuran sebelum ini tarikh surat adalah dengan ini dibatalkan.~~

6. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah/Gabungan, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y.Bhg. Dato’/Datin/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


DATO’ HAJI ALIMUDDIN BIN HAJI MOHD. DOM
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

- s.k.
1. Y.B. Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein
Menteri Pelajaran Malaysia
 2. Y.B. Dato’ Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
 3. Y.B. Dato’ Noh bin Hj. Omar
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia

4. Y.B. Puan Komala Devi
Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran
5. Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran
6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran
7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
8. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pelajaran Malaysia
9. Ketua Nazir Sekolah Kementerian Pelajaran
10. Penasihat Undang-Undang Kementerian Pelajaran
11. Pegawai Perhubungan Awam Kementerian Pelajaran

**GARIS PANDUAN SISTEM PAKEJ BAYARAN TAMBAHAN
KEPADA PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN DI SEKOLAH-SEKOLAH
KERAJAAN DAN SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN**

1. Kerajaan Malaysia telah memutuskan melalui Rang Undang-Undang Perbekalan (2008) yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat, pada 7 September 2007, supaya **Yuran Khas** di semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan dimansuhkan berkuat kuasa mulai tahun persekolahan 2008.

2. Mulai 1 Januari 2008 ibu bapa tidak perlu lagi membayar Yuran Khas sebanyak RM4.50 bagi setiap murid sekolah rendah dan RM9.00 bagi setiap murid sekolah menengah.

PELAKSANAAN SISTEM PAKEJ BAYARAN TAMBAHAN

3. Dengan pemansuhan Yuran Khas, pembiayaan untuk aktiviti **peralatan sukan, perpustakaan, seni lukis dan pertukangan tangan** adalah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan melalui Geran Per Kapita (PCG).

4. Walau bagaimanapun masih terdapat beberapa aktiviti lain yang penting termasuk beberapa perkhidmatan dan kemudahan tambahan yang diberikan oleh pihak sekolah kepada murid-murid perlu mempunyai peruntukan secara khusus.

Bayaran Tambahan

5. Sebagai membantu pihak sekolah, Kementerian telah menyenaraikan perkara-perkara berikut yang dianggap sebagai perkhidmatan dan kemudahan tambahan yang boleh dikenakan Bayaran Tambahan secara tahunan.
 - 2.7 Kokurikulum.
 - 2.8 Kertas Ujian Dalaman.
 - 2.9 Sukan Tahunan Sekolah.

- 2.10 Kegiatan Pendidikan Islam (murid beragama Islam) atau Pendidikan Moral (murid bukan beragama Islam).
- 2.11 Skim Perlindungan Diri.
- 2.12 MSSM.

6. Kesemua ibu bapa akan dikenakan **membuat pembayaran** dan **bukannya yuran** atas perkhidmatan dan kemudahan tambahan ini.

Sistem Pakej Bayaran Tambahan

7. Bagi tujuan memudahkan pihak pengurusan sekolah dan Jabatan Pelajaran Negeri meluluskan dan memantau semua jenis pembayaran yang dibuat di sekolah-sekolah maka adalah dicadangkan **Sistem Pakej Bayaran Tambahan** dilaksanakan.

8. Pakej Pembayaran ini dikategorikan kepada 3 jenis mengikut jenis sekolah, lokasi sekolah, bilangan murid dan status sosioekonomi masyarakat setempat. Sila rujuk kepada **Lampiran SR** dan **Lampiran SM**.

9. Pihak sekolah hendaklah memilih salah satu pakej pembayaran dengan mengambil kira persekitaran sekolah, pandangan guru-guru serta pandangan daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru sekolah.

10. Pengetua dan Guru Besar yang bercadang mengenakan Bayaran Tambahan hendaklah mengemukakan permohonan pakej dengan menggunakan **Borang BT/SR** atau **Borang BT/SM** yang dikemukakan kepada Pendaftar Negeri melalui PPD/G untuk kelulusan. **Semua permohonan hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada 30 September setiap tahun.**

11. Pendaftar Negeri boleh meluluskan permohonan pakej yang dipohon atau meluluskan salah satu pakej lain yang dianggap lebih sesuai dan munasabah dengan persekitaran sekolah tersebut.

Struktur Sistem Pakej Bayaran Tambahan

12. Adalah cadangan struktur pakej pembayaran tambahan dibuat dalam tiga pakej iaitu **Pakej A**, **Pakej B** dan **Pakej C** untuk sekolah rendah dan menengah termasuk termasuk SBP, Teknik dan Vokasional, Sekolah Agama.

Garis Panduan Penentuan Pakej

13. Setiap sekolah hendaklah menubuhkan **Jawatankuasa Khas Penentuan Pakej Bayaran Tambahan**. Jawatankuasa ini hendaklah dianggotai oleh wakil-wakil daripada pihak guru, dan ibu bapa dan dipengerusikan oleh Pengetua/Guru Besar.

14. Fungsi Jawatankuasa ini adalah untuk membuat pemilihan pakej yang sesuai untuk sekolah dengan mengambil kira faktor sosioekonomi masyarakat setempat serta tahap kemampuan mereka.

15. Adalah dicadangkan supaya garis panduan berikut digunakan bagi menentukan kelayakan pakej bagi setiap sekolah.

16.1 Pakej A

16.1.1 Sekolah yang berada dalam kawasan sosioekonomi tinggi.

16.1.2 Majoriti ibu bapa yang terdiri daripada kumpulan peniaga besar dan/atau kakitangan awam kumpulan profesional.

16.1.3 Mendapat persetujuan ibu bapa melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah berkenaan.

16.2 Pakej B

16.2.1 Sekolah yang berada dalam kawasan sosioekonomi sederhana.

16.2.2 Majoriti Ibu bapa yang terdiri daripada kumpulan peniaga sederhana dan/atau kakitangan awam kumpulan sokongan

16.2.3 Mendapat persetujuan ibu bapa melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah berkenaan.

16.3 Pakej C

- 16.3.1 Sekolah yang berada dalam kawasan sosioekonomi rendah.
- 16.3.2 Majoriti Ibu bapa yang terdiri daripada kumpulan peniaga kecil, bekerja sendiri, pekerja ladang dan/atau kakitangan awam kumpulan sokongan II.
- 16.3.3 Sekolah kawasan pendalaman.
- 16.3.4 Sekolah kurang murid (SKM).
- 16.3.5 Mendapat persetujuan ibu bapa melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah berkenaan.

Kuasa Pendaftar Negeri

16. Pendaftar Negeri setelah membuat pertimbangan yang terperinci dengan mengambil kira faktor-faktor di **para 16**, mempunyai kuasa menentukan pakej yang sesuai untuk sesebuah sekolah itu.

Disediakan oleh:

Sektor Dasar
Bahagian Sekolah
Kementerian Pelajaran Malaysia
Putrajaya
9 Oktober 2007, bersamaan 27 Ramadan 1428H

AAH/BS-DSR/KPPM

**STRUKTUR SISTEM PAKEJ BAYARAN TAMBAHAN
DI SEKOLAH RENDAH**

BIL.	JENIS BAYARAN	AMAUN BAYARAN		
		PAKEJ A	PAKEJ B	PAKEJ C
1.	Kokurikulum.	RM 5.00	RM 3.00	RM 2.00
2.	Kertas Ujian Dalam.	RM10.00	RM8.00	RM 6.00
3.	Sukan Tahunan Sekolah.	RM10.00	RM8.00	RM6.00
4.	Kegiatan Pendidikan Islam (murid beragama Islam) <i>atau</i> Pendidikan Moral (murid bukan beragama Islam).	RM10.00	RM8.00	RM6.00
5.	Skim Perlindungan Diri.	RM 1.50	RM 1.50	RM 1.50
6.	MSSM.	RM 2.00	RM 2.00	RM 2.00
Jumlah Bayaran		RM38.50	RM30.50	RM23.50

**STRUKTUR SISTEM PAKEJ BAYARAN TAMBAHAN
DI SEKOLAH MENENGAH**

BIL.	JENIS BAYARAN	AMAUN BAYARAN		
		PAKEJ A	PAKEJ B	PAKEJ C
1.	Kurikulum.	RM10.00	RM8.00	RM6.00
2.	Kertas Ujian Dalaman.	RM20.00	RM15.00	RM10.00
3.	Sukan Tahunan Sekolah.	RM10.00	RM8.00	RM6.00
4.	Kegiatan Pendidikan Islam (murid beragama Islam) <i>atau</i> Pendidikan Moral (murid bukan beragama Islam).	RM10.00	RM8.00	RM6.00
5.	Skim Perlindungan Diri.	RM 1.50	RM 1.50	RM 1.50
6.	MSSM.	RM 4.00	RM 4.00	RM 4.00
	Jumlah Bayaran	RM55.50	RM44.50	RM33.50

PERMOHONAN KELULUSAN PAKEJ BAYARAN TAMBAHAN
BAGI TAHUN _____

Nama Sekolah dan Alamat :

Saya bagi pihak sekolah memohon mengenai Bayaran Tambahan kepada murid-murid sekolah ini seperti berikut:

JENIS PAKEJ	PAKEJ YANG DIPILIH (SILA TANDAkan ✓)	ULASAN PPG/PPD	ULASAN DAN KEPUTUSAN PENDAFTAR
Pakej A			
Pakej B			
Pakej C			

.....
Tandatangan Guru Besar
& Cap rasmi

.....
Tandatangan PPG/PPD
& Cap rasmi

.....
Tandatangan Pendaftar
& Cap rasmi

*Sediakan dalam 3 salinan

**PERMOHONAN KELULUSAN PAKEJ BAYARAN TAMBAHAN
BAGI TAHUN _____**

Nama Sekolah dan Alamat :

Saya bagi pihak sekolah memohon mengenai Bayaran Tambahan kepada murid-murid sekolah ini seperti berikut:

JENIS PAKEJ	PAKEJ YANG DIPILIH (SILA TANDA KAN ✓)	ULASAN PPG/PPD	ULASAN DAN KEPUTUSAN PENDAFTAR
Pakej A			
Pakej B			
Pakej C			

.....
Tandatangan Pengetua
& Cap rasmi

.....
Tandatangan PPG/PPD
& Cap rasmi

.....
Tandatangan Pendaftar
& Cap rasmi

*Sediakan dalam 3 salinan



BAHAGIAN SEKOLAH
JABATAN SEKOLAH
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
ARAS 3 & 4, BLOK E2
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA.

Tel : +603-8884 9000
Faks : +603-8884 9315 (PKICT)
+603-8888 6673 (Men)
+603-8884 9553 (Ren)
+603-8884 9342 (Hem)
+603-8884 9318 (SBP)
+603-8884 9416 (Dasar)
Laman Web : <http://www.moe.gov.my>

KP(BS-P)S/0052 (9)
7 Januari 2008

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Y.Bhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan ,

BAYARAN TAMBAHAN KEPADA PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN DI SEKOLAH-SEKOLAH KERAJAAN DAN SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN

Perkara yang tersebut di atas adalah dengan hormatnya dirujuk.

2. Seyogia dimaklumkan bahawa hasil pemantauan pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran Malaysia dan melalui aduan yang diterima daripada ibu bapa, didapati masih terdapat sekolah-sekolah yang mengenakan bayaran tambahan melebihi amaun maksimum atau *ceiling* yang ditetapkan dalam Garis Panduan Sistem Pakej Bayaran Tambahan. Terdapat juga sekolah-sekolah yang mengenakan bayaran bagi jenis-jenis bayaran yang lain selain daripada yang dibenarkan dalam garis panduan berkenaan.

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama Y.Bhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon supaya memantau dan mengingatkan perkara-perkara berikut kepada semua Pegawai Pelajaran Daerah / Bahagian, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y.Bhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

- 3.1 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 13/2007 bertarikh 30 Oktober 2007 : Pemansuhan Yuran Khas Dan Garis Panduan Sistem Pakej Bayaran Tambahan Kepada Perkhidmatan Dan Kemudahan Di Sekolah-Sekolah Kerajaan Dan Sekolah Bantuan Kerajaan hendaklah dijadikan sebagai garis panduan.
- 3.2 Pemilihan pakej dan penentuan amaun bayaran-bayaran tambahan hendaklah dibuat dengan pihak sekolah terlebih dahulu mengadakan perbincangan serta mendapat persetujuan daripada pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah.

- 3.3 Amaun bayaran tambahan yang dipersetujui hendaklah **tidak melebihi** amaun maksimum atau *ceiling* yang telah ditetapkan. Penetapan amaun bayaran yang kurang daripada amaun maksimum atau *ceiling* adalah dibenarkan.
- 3.4 Kelulusan untuk mengenakan bayaran-bayaran tambahan kepada murid-murid hendaklah diperoleh daripada Pengarah Pelajaran Negeri selaku Pendaftar Negeri.
- 3.5 Perkara 5, Pekeliling Ikhtisas Bil. 13/2007 menyebut..."***Pihak sekolah diingatkan akan larangan memungut yuran-yuran atau bayaran lain selain daripada yang telah ditetapkan. Sebarang cadangan untuk memungut yuran atau bayaran lain hendaklah dengan kebenaran bertulis Menteri Pelajaran.***"
- 3.6 Tiada sebarang unsur paksaan digunakan dalam semua urusan berkaitan dengan pengenaan dan pemungutan bayaran tambahan ini, memandangkan pembayaran yang perlu dibuat merupakan sumbangan ibu bapa bagi persekolahan anak-anak mereka. Malah, ibu bapa dibenarkan untuk menjelaskan sumbangan berkenaan secara beransur-ansur. Ibu bapa yang tidak mampu bolehlah memohon pengecualian daripada membuat sumbangan tersebut.
- 3.7 Memandangkan pemilihan pakej dan penentuan sumbangan dibuat hasil daripada perbincangan dan persetujuan pihak PIBG sekolah, kerjasama daripada Yang DiPertua PIBG sekolah hendaklah diperoleh bagi memberi penjelasan yang terperinci kepada semua ibu bapa tentang amaun dan jenis-jenis sumbangan yang dikenakan.

4. Kerjasama dan tindakan segera oleh Y.Bhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


DATO' HAJI ALIMUDDIN BIN HAJI MOHD. DOM
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

- s.k.
1. Y.B. Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein
Menteri Pelajaran Malaysia
 2. Y.B. Dato' Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
 3. Y.B. Dato' Noh bin Hj. Omar
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
 4. Y.B. Datin Paduka Komala Devi
Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran
 5. Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran
 7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
 8. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pelajaran Malaysia
 9. Ketua Nazir Sekolah Kementerian Pelajaran
 10. Penasihat Undang-Undang Kementerian Pelajaran
 11. Pegawai Perhubungan Awam Kementerian Pelajaran

